

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(XII)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI  
YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN**

13. Tanah 172 ekar di Bukit Langkap untuk membina 366 buah rumah kos-rendah dan 1,200 kos-sederhana diperlukan penduduk tetapi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) tidak meluluskan Pemaju Waz Lian kerana syarat peruntukan tanah 6 ekar kepada Kementerian Pelajaran untuk pembinaan sekolah.

Bolehkah Kerajaan Negeri benarkan sekolah agama swasta dibina memandangkan tiada keperluan pembinaan sekolah oleh Kementerian Pelajaran?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

13. Kementerian Pelajaran Malaysia hanya mensyaratkan peruntukan tanah untuk pembinaan sekolah awam sahaja dan bukannya sekolah swasta. Walau bagaimanapun, MPSP telah menolak permohonan yang dikemukakan oleh Tetuan Waz Lian Holding Sdn. Bhd. untuk cadangan pembangunan di atas tanah berkeluasan 173.50 ekar pada 13 Julai 2016 bukan hanya tidak mematuhi syarat peruntukan tanah untuk sekolah sahaja tetapi syarat-syarat lain seperti berikut:
- (i) Pemaju tidak mematuhi syarat penyediaan 30% rumah kos rendah atau 20% rumah kos rendah + 20 % rumah kos sederhana rendah seperti ditetapkan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC).
  - (ii) Pihak pemaju perlu mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu untuk mengeluarkan Enakmen

Air bagi lot 149, 150, 664, 1353, Mukim 19, Seberang Perai Tengah (SPT).

- (iii) Pemaju tidak menunjukkan dengan jelas di atas pelan rezab sungai yang akan diserahkan kepada kerajaan.
- (iv) Pemaju tidak menyediakan kawasan lapang yang mencukupi bagi rumah pangsa kos sederhana rendah iaitu kurang sebanyak 0.798 ekar (4.3%).
- (v) Pemaju tidak menyediakan laluan ke cadangan rumah pam daripada jalan awam.
- (vi) Pihak pemaju tidak menyediakan tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) megikut garis panduan MPSP.
- (vii) Pihak pemaju tidak menyediakan tapak masjid yang mencukupi iaitu 2 ekar seperti yang disyaratkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).
- (viii) Pemaju tidak menyediakan tempat letak kenderaan yang mencukupi bagi cadangan kedai pejabat dan rumah kos sederhana rendah.
- (ix) Pemaju tidak mematuhi syarat Jabatan Pendidikan Pulau Pinang bagi menyediakan tapak sekolah seluas 8 ekar. Pemaju hanya menyediakan tapak sekolah berkeluasan 4.14 ekar.
- (x) Pemaju tidak menyediakan laluan ke lot berjiran iaitu Lot 1576, 1577, 1117, 595, 191, 192, 470, 469, 455, 1348, 165, 166, 1037, 617, 1056, 621, 684, 922, 594, 596, 598, 805, 806, 807, 808, 188, 196, 190, 191, 192, 450.
- (xi) Pemaju tidak mematuhi syarat jabatan teknikal iaitu, Perbadanan Bekalan Air (PBA), *Indah Water Konsortium* (IWK), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Tenaga Nasional Berhad (TNB), MAINPP, Kejuruteraan, Perbandaran, Penilaian, Landskap & Perlesenan.

- (xii) Pemaju tidak mengemukakan penyelesaian setingan di atas Lot 802 & 1362.

Pemberian kelulusan untuk pembinaan sekolah agama swasta adalah dibawah bidang kuasa Kementerian Pelajaran Malaysia bukannya dibawah kelulusan Kerajaan Negeri.